

03 MAY 2002

Najib-Amerika (Bergambar)/I

AMERIKA KAGUM DENGAN KEAZAMAN M'SIA PERANGI KEGANASAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 3 Mei (Bernama) -- Pentadbiran Bush nampaknya kagum dengan keazaman Malaysia untuk memerangi keganasan.

Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Donald Rumsfeld selepas pertemuan tertutup bersama rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, di Pentagon pada Khamis berkata: "Ia mengagumkan - sejauh mana sumbangan Malaysia sebagai rakan dalam perang global terhadap keganasan."

Najib di persidangan berita kemudian menjawab: "Hubungan ketenteraan kita kini berada di puncak," dan Malaysia gembira untuk bekerjasama dengan Amerika dan sekutu lain bagi membanteras keganasan.

Dalam pertemuan itu, Rumsfeld telah memberitahu Najib yang kerajaan di negara-negara Islam harus dibenarkan guna pendekatan masing-masing dalam memerangi keganasan dan aktiviti militan kerana hanya mereka sahaja yang lebih faham akan masalah politik, ekonomi dan keagamaan di negara sendiri.

Malaysia berusaha dengan agresif dalam mengawal ekstrimisme di negara dan sehingga ini telah menahan 62 orang yang dipercayai penganas, dengan "lebih banyak lagi sedang diburu," kata Najib.

Kedua-dua orang itu, yang pertama kali bertemu mengadakan perbincangan tertutup selama 40-minit. Najib menjemput Rumsfeld melawat Malaysia dan beliau pula telah menerima jemputan itu. Rumsfeld berkata beliau bercadang melawat Malaysia "sebelum akhir tahun ini."

Ketibaan Najib disambut oleh Rumsfeld dengan selepas itu kedua-dua mereka memeriksa kawalan kehormat 19 anggota tentera.

Najib, yang berada di sini untuk lawatan rasmi empat hari diiringi oleh Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia, Lt. Jen. Datuk Mohd. Sharom Nordin; Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan Malaysia, Mej. Jen. Datuk Wan Abu Bakar Omar; dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Siti Azizah Abod.

Najib memberitahu media Malaysia yang Rumsfeld telah mengambil perhatian mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia dalam memerangi keganasan dan juga kerjasama yang dihulurkan oleh negara di peringkat serantau dan global.

"Beliau (Rumsfeld) percaya kita dapat mengawal keadaan."

Najib kemudian dalam pertemuan selama 45-minit bersama Penasihat Keselamatan Kebangsaan Amerika, Dr. Condoleeza Rice, juga membincangkan mengenai keganasan, krisis di Asia Barat dan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke White House.

Perdana Menteri akan melakukan lawatan pertama ke Washington dari 13-15 Mei sejak Presiden George Bush mula berkuasa pada Januari tahun lepas. Kedua-dua pemimpin itu pernah bertemu di sidang kemuncak ketua-ketua Apec di Shanghai November lepas.

"Rice mengesahkan semula yang pentadbiran Bush menyambut baik lawatan Dr Mahathir dan bagi menjalin hubungan politik yang lebih baik."

Najib berkata Rice mengambil perhatian mengenai ucapan Perdana Menteri di Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di Kuala Lumpur and takrifan beliau mengenai keganasan "diterima dengan baik di sini."

Beliau berkata, Rice menganggap Malaysia sebagai satu "rakan dalam memerangi keganasan, khasnya peranan Perdana Menteri."

Najib, juga mengambil kesempatan untuk bertemu dengan anggota kongres Amerika di Capitol Hill pada Rabu dan Khamis, termasuk Senator John McCain,

Senator Chuck Hagel daripada Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Senat; Rep. Saxby Chambliss, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Mengenai Keganasan dan Keselamatan Dalam Negeri; dan Senator Carl Levin, pengerusi Jawatankuasa Perkhidmatan Angkatan Tentera.

"Kami sedang menjalin hubungan bersama Capitol Hill dan menjelaskan keadaan di Malaysia," kata Najib yang menyifatkan sambutan di Capitol Hill sebagai "mesra dan lebih positif bagi Malaysia".

-- BERNAMA

SH MFJ PR